



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS : DSM2113
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
 - i. Bahagian A mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.
 - ii. Bahagian B mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
 - iii. Bahagian C mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Setiap individu mempunyai perbezaan dari segi latar belakang demografi, keadaan fizikal dan tangkah laku. Apakah faktor yang mempengaruhi tingkahlaku seseorang?

- A Personaliti.
- B Kemahiran berkomunikasi.
- C Umur dan tahap keterbukaan.
- D Jantina dan latar belakang kaum individu.

2. Apakah takrif gelagat organisasi?

- A Satu unit sosial yang bergabung bagi mencapai matlamat yang sama.
- B Satu unit sosial yang terdiri daripada dua atau lebih individu berinteraksi.
- C Individu yang terdapat di dalam organisasi yang mempunyai matlamat yang sama.
- D Satu bidang yang mengkaji bagaimana individu, kumpulan dan struktur memberi kesan terhadap gelagat yang berlaku dalam organisasi dan seterusnya menggunakan pengetahuan yang diperoleh untuk meningkatkan keberkesanan organisasi.

3. Antara berikut yang manakah **BUKAN** ciri-ciri semula jadi manusia?


- A Perbezaan Individu.
- B Keseluruhan diri manusia.
- C Kelakuan yang boleh dimotivasikan.
- D Personaliti beradaptasi dengan dunia sebenar.

4. Apakah ciri-ciri individu berpersonaliti A?

- A Suka bersaing.
- B Bekerja hanya untuk berseronok.
- C Tidak perlu mempamerkan pencapaian.
- D Merasakan masa sentiasa cukup untuk semua perkara.

5. Berikut adalah faktor-faktor menjamin kepuasan kerja **KECUALI**

- A upah yang setimpal.
- B pemindahan pekerja.
- C penyelia yang memahami.
- D peluang kenaikan pangkat



Rajah 1

6. Berdasarkan rajah 1, mengapakah carta organisasi penting bagi sesebuah organisasi?

- A Hubungan antara pekerja-majikan.
- B Nilai teras dan kepercayaan kepada pekerja.
- C Pekerja baru dapat menyesuaikan diri mereka.
- D Menjelaskan jawatan dan tugas masing-masing.

7. Apakah takrifan persepsi?

- A Proses yang mengasaskan satu ciri yang disukai pada diri seseorang.
- B Tanggapan yang menyeluruh atau generalisasi yang dibuat tentang individu.
- C Proses mental yang digunakan untuk memberi perhatian kepada petanda yang dipilih.
- D Satu bentuk kelakuan yang melihat apa yang hendak dilihat terutama kepada benda atau peristiwa yang diminati.

8.

Pernyataan X merujuk kepada tanggapan menyeluruh yang dibuat tentang individu berdasarkan persepsi seseorang terhadap kumpulan yang dianggotai oleh individu tersebut seperti jantina, bangsa dan agama.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1 di atas, apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan X?

- A Stereotaip.
- B Kesan Halo.
- C Pemilihan Persepsi.
- D Ralat Penyebab Asasi.

9. Berikut merupakan proses persepsi fizikal. Susun semula proses ini mengikut turutan yang betul.

- i Output
- ii Reaksi
- iii Pengaruh
- iv Penerimaan
- v Pemprosesan

- A i, ii, iii, iv dan v
- B i, iii, ii, iv dan v
- C i, iii, iv, ii dan v
- D iv, v, iii, i dan ii

10. Apakah langkah mengurangkan kesan negatif bias persepsi?

- A Motivasi.
- B Mengutamakan pencapaian.
- C Bekerja hanya untuk berseronok.
- D Mencari maklumat daripada pelbagai sumber.

11. Berkemampuan melihat diri sendiri, orang lain dan alam sekeliling, mempunyai kecekapan yang tinggi, mempunyai perasaan yang sentiasa dihargai, kreatif dan mempunyai sikap kasih mengasihi antara satu sama lain.

Pernyataan 2

Keperluan yang manakah yang menerangkan tentang pernyataan di atas?

- A Keperluan Sosial.
- B Keperluan Fisilogikal.
- C Kesempurnaan Kendiri.
- D Keperluan Keselamatan.

12. Berikut merupakan Teori Keperluan McClelland, **KECUALI**


- A keperluan untuk kuasa.
- B keperluan untuk berjaya.
- C keperluan untuk bekerja.
- D keperluan untuk hubungan.

13. Menggambarkan pekerja tidak suka bekerja, kurang cita-cita, mengelakkan tanggungjawab dan dipaksa untuk melakukan sesuatu tugas mereka.

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3, Teori MC Gregor yang dimaksudkan adalah

- A Teori Y.
- B Teori X.
- C Teori Ekuiti.
- D Teori Pengukuhan.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2, apakah yang diwakili oleh X?

- A Teori Ekuiti.
- B Teori Motivasi.
- C Teori Ganjaran.
- D Teori Pengukuhan.

15. Manakah antara berikut merupakan pendekatan grid pengurusan?

- i Pengurusan daif.
- ii Pengurusan selesa.
- iii Kajian Scandinavian.
- iv Pengurusan autokratik.

- A i, ii, iii dan iv
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

16. Kajian ini menerangkan tentang tingkahlaku pemimpin berorientasikan tugas dan berorientasikan pekerja. Kajian tingkahlaku yang dimaksudkan adalah

- A Grid Pengurusan.
- B Kajian Scandinavian.
- C Kajian Ochio State University.
- D Kajian University of Machigan.

17. _____ merupakan pengurusan yang menunjukkan pemimpin yang tidak memberikan perhatian kepada dimensi kemanusiaan ataupun tugas.

- A Grid pengurusan
- B Pengurusan daif
- C Pengurusan selesa
- D Pengurusan jalan tengah

18. Fiedler telah menghasilkan satu instrumen yang dikenali sebagai

- A Skala Julat.
- B Skala Ankor.
- C Skala Gelagat Pekerja.
- D Skala rakan kerja yang kurang digemari (*Least Preferred Co-Worker Scale – LPC*).

19. Teori Situasi Hersey-Blanchard mencadangkan empat tahap subordinat yang diperlukan dalam sesebuah organisasi. Pilih empat tahap subordinat mengikut susunan yang betul.

- i Subordinat yang mampu melaksanakan tugas, bersedia dan bertanggungjawab.
- ii Subordinat yang tidak mampu serta tidak bersedia menjalankan tugas.
- iii Subordinat yang mampu menjalankan tugas tetapi tidak bersedia.
- iv Subordinat yang tidak mampu / tidak berkebolehan menjalankan tugas tetapi bersedia.

- A i, ii, iii dan iv
- B i, iii, ii dan iv
- C i, iii, iv dan ii
- D ii, i, iii dan iv

20.

Pemimpin yang mampu mempengaruhi subordinat untuk melakukan sesuatu melewati kemampuan biasa mereka.

Pernyataan 4

Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan 4 di atas?

- A Pemimpin autokratik.
- B Pemimpin karismatik.
- C Pemimpin transaksional.
- D Pemimpin transformasional.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Nyatakan **empat (4)** ciri utama pasukan kerja.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** jenis pasukan kerja.

(6 markah)

SOALAN 2

a. Bincangkan **tiga (3)** jenis komunikasi yang digunakan dalam organisasi.

(6 markah)

b. Jelaskan **dua (2)** halangan individu yang menyebabkan komunikasi kurang berkesan.

(4 markah)

SOALAN 3

a. Nyatakan **empat (4)** Teori Perilaku Pemimpin.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** perbezaan di antara kepimpinan transformasional dan kepimpinan transaksional.

(6 markah)

SOALAN 4

Bincangkan **lima (5)** sumber yang menyebabkan konflik di tempat kerja.

(10 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Harry Davidson ialah seorang ketua pengarah di sebuah Syarikat Ale Heavylift Sdn. Bhd. Beliau bercadang ingin menjual syarikat kepada pesaingnya disebabkan oleh masalah ekonomi syarikat yang tidak kukuh. Oleh hal yang demikian, beliau perlu mendapatkan nasihat dan rundingan daripada pengurus atasan sebelum membuat keputusan rasmi untuk menjual syarikatnya.

- a. Bagaimanakah Teknik *Brainstorming* dan Teknik *Delphi* dapat membantu Harry Davidson dalam membuat keputusan berkumpulan?

(6 markah)

- b. Bincangkan **empat (4)** kelebihan pembuatan keputusan kumpulan yang telah dibuat oleh Harry Davidson.

(8 markah)

- c. Jelaskan **tiga (3)** faktor kekangan organisasi dalam membuat keputusan.

(6 markah)

SOALAN 2

Encik Ahmad ialah seorang pekerja di Syarikat Drinho Sdn. Bhd. yang telah berkhidmat hampir 30 tahun di syarikat itu. Beliau telah menolak perubahan, amalan dan budaya baru yang diperkenalkan oleh Ketua Eksekutif. Antara perubahan baru adalah penetapan 6 hari waktu bekerja dalam seminggu, pekerja perlu menggunakan *thumb print* sebagai rekod kedatangan, pekerja dikehendaki mengisi borang jika mempunyai urusan di luar waktu pejabat. Namun begitu, perubahan sistem pengurusan ini telah menimbulkan rasa konflik terhadap dirinya untuk menerima perubahan tersebut.

- a. Berdasarkan kajian kes di atas, Syarikat Drinho Sdn. Bhd telah mengalami perubahan dalam pengurusan syarikat. Bincangkan Model Perubahan Kurt Lewin.

(6 markah)

- b. Jelaskan **dua (2)** penolakan perubahan individu terhadap perubahan yang dilakukan oleh organisasi.

(4 markah)

- c. Berdasarkan kajian kes di atas, bincangkan cara pengurusan penolakan kepada perubahan.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT